



31 Disember 2018  
31 December 2018  
P.U. (A) 395

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)  
(NO. 17) 2016 (PINDAAN) 2018

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 17) 2016  
(AMENDMENT) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECEUALIAN) (NO. 17) 2007 (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 (Pindaan) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 16 Oktober 2017 kecuali perenggan 2, subperenggan 3(a) dan 3(b) dan perenggan 6.

(3) Perenggan 2, subperenggan 3(a) dan perenggan 6 disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 1 Mei 2005.

(4) Subperenggan 3(b) disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 11 Ogos 2016.

**Pindaan am**

2. Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 17) 2007 [*P.U. (A) 371/2007*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini dipinda dengan menggantikan perkataan “perniagaan diluluskan” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “aktiviti yang layak”.

**Pindaan perenggan 2**

3. Perenggan 2 Perintah ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan sebelum takrif “dilakukan” takrif yang berikut:

‘ “aktiviti yang layak” ertinya aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual dan yang diluluskan oleh Menteri;’

(b) dengan menggantikan takrif “Perbadanan Bioteknologi Malaysia Sdn. Bhd.” dengan takrif yang berikut:

‘ “Perbadanan Pembangunan Bioekonomi Malaysia Sdn Bhd”  
ertinya suatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016  
[Akta 777] yang fungsinya adalah bagi maksud membangunkan industri  
bioteknologi di Malaysia;’; dan

(c) dalam takrif “syarikat berstatus BioNexus”—

(i) dengan menggantikan perkataan “1965” dengan perkataan “2016”;  
dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “sains kehidupan”  
perkataan “yang memenuhi kehendak dalam  
subperenggan 3(1A)”.

### **Pindaan perenggan 3**

4. Perenggan 3 Perintah ibu dipinda—

(a) dalam subperenggan (1) dengan menggantikan perkataan  
“Tertakluk kepada subperenggan (2),” dengan perkataan “Tertakluk  
kepada perenggan ini dan perenggan 3A,”;

(b) dengan memasukkan selepas subperenggan (1) subperenggan yang  
berikut:

“(1A) Syarikat berstatus BioNexus yang disebut dalam Perintah ini  
hendaklah memenuhi kehendak yang berikut:

(a) mempunyai bilangan pekerja sepenuh masa dan pekerja  
berpengetahuan yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia  
bagi menjalankan aktiviti yang layak; dan

- (b) melakukan perbelanjaan operasi tahunan yang mencukupi yang diluluskan bagi menjalankan aktiviti yang layak atau pelaburan dalam harta tetap yang mencukupi yang diluluskan di Malaysia bagi menjalankan aktiviti yang layak.”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subperenggan (2) subperenggan yang berikut:

“(2A) Tertakluk kepada subperenggan (2B), jika suatu syarikat berstatus BioNexus telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) pada atau sebelum 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subperenggan (1A) hendaklah tidak terpakai kepada syarikat berstatus BioNexus itu sehingga 30 Jun 2021.

(2B) Jika suatu syarikat berstatus BioNexus menjalankan suatu aktiviti yang layak yang baharu selepas 16 Oktober 2017, subperenggan (2A) hendaklah tidak terpakai dan syarikat berstatus BioNexus itu hendaklah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) berhubung dengan aktiviti yang layak yang baharu itu sehingga 31 Disember 2018.

(2C) Jika suatu syarikat berstatus BioNexus telah diberikan pengecualian di bawah subperenggan (1) selepas 16 Oktober 2017, kehendak yang disebut dalam subperenggan (1A) hendaklah tidak terpakai kepada syarikat berstatus BioNexus itu sehingga 31 Disember 2018.”.

### **Perenggan baharu 3A**

5. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 3 perenggan yang berikut:

**“Pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira**

3A. (1) Dalam menentukan pendapatan berkanun syarikat berstatus BioNexus yang disebut dalam subperenggan 3(1), pendapatan harta intelek yang berikut yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak yang disediakan oleh syarikat berstatus BioNexus hendaklah tidak diambil kira:

- (a) royalti dan pendapatan lain pada atau selepas 1 Julai 2018 tetapi sebelum 1 Julai 2021 daripada hak harta intelek yang baharu yang dimiliki oleh syarikat berstatus BioNexus; dan
- (b) royalti dan pendapatan lain yang diperoleh pada atau selepas 1 Julai 2021 daripada semua hak harta intelek yang dimiliki oleh syarikat berstatus BioNexus.

(2) Bagi maksud subperenggan (1)—

- (a) suatu syarikat berstatus BioNexus memiliki hak harta intelek jika syarikat berstatus BioNexus adalah pemilik atau pemegang lesen hak itu;
- (b) royalti atau pendapatan lain diperoleh daripada hak harta intelek jika ianya diterima sebagai balasan bagi pengeksploitanian secara komersial hak tersebut;
- (c) “hak harta intelek” ertinya suatu hak yang timbul daripada paten, inovasi dan penemuan utiliti, hak cipta, cap dagangan dan cap perkhidmatan, reka bentuk industri, reka bentuk susun atur litar bersepadu, proses atau formula dan pengetahuan rahsia, petunjuk geografi dan pemberian perlindungan suatu varieti tumbuhan dan hak-hak lain yang serupa, sama ada berdaftar atau boleh daftar;

(d) “hak harta intelek yang baharu” ertinya hak harta intelek yang berkaitan dengan aktiviti yang layak syarikat berstatus BioNexus yang—

(i) menjadi pemilikan syarikat berstatus BioNexus pada atau selepas 1 Julai 2018; atau

(ii) menjadi pemilikan syarikat berstatus BioNexus selepas 16 Oktober 2017 tetapi sebelum 1 Julai 2018 akibat daripada perolehan oleh syarikat berstatus BioNexus, secara langsung atau tidak langsung daripada syarikat berkaitan; dan

(e) “syarikat berkaitan” mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [Akta 327].”.

(3) Apa-apa pendapatan harta intelek yang tidak diambil kira dalam subperenggan (1) adalah tertakluk kepada cukai di bawah Akta.”.

### Jadual baharu

6. Perintah ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 11 Jadual yang berikut:

#### “JADUAL

(1) No.	(2) Aktiviti yang layak
1.	Bioteknologi industri
2.	Bioteknologi penjagaan kesihatan

(1) No.	(2) Aktiviti yang layak
3.	Bioteknologi pertanian”.

Dibuat 31 Disember 2018

[PERB.0.3865/73(SJ.133-5)LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-1; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Timbalan Perdana Menteri*  
*yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4)*  
*Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 17) 2007 (AMENDMENT) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 17) 2007 (Amendment) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have effect from 16 October 2017 except paragraph 2, subparagraphs 3(a) and (b), and paragraph 6.

(3) Paragraph 2, subparagraph 3(a) and paragraph 6 are deemed to have effect from 1 May 2005.

(4) Subparagraph 3(b) is deemed to have effect from 11 August 2016.

**General amendment**

2. The Income Tax (Exemption) (No. 17) Order 2007 [*P.U. (A) 371/2007*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended by substituting for the words “approved business” wherever appearing the words “qualifying activity”.

**Amendment of paragraph 2**

3. Paragraph 2 of the principal Order is amended—

(a) by inserting before the definition of “incurred” the following definition:

‘ “qualifying activity” means an activity as set out in the Schedule and approved by the Minister;’

(b) by substituting for the definition of “Malaysian Biotechnology Corporation

Sdn. Bhd.” the following definition:

‘ “Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd” means a company incorporated under the Companies Act 1965 [Act 125] whose function is for the purpose of developing the biotechnology industry in Malaysia;’ and

(c) in the definition of “BioNexus status company”—

(i) by substituting for the word “1965” the word “2016”; and

(ii) by inserting after the words “life sciences” the words “which fulfills the requirements in paragraph 3(1A)”.

### **Amendment of paragraph 3**

4. Paragraph 3 of the principal Order is amended—

(a) in subparagraph (1) by substituting for the words “Subject to subparagraph (2),” the words “Subject to this paragraph and paragraph 3A,”;

(b) by inserting after subparagraph (1) the following subparagraph:

“(1A) A BioNexus status company referred to in this Order shall fulfill the following requirements:

(a) has an approved adequate number of full time employees and knowledge workers in Malaysia to carry on the qualifying activity; and

(b) incurs an approved adequate amount of annual operating expenditure to carry on the qualifying activity or an approved

adequate investment in fixed asset in Malaysia to carry on the qualifying activity.”; and

(c) by inserting after subparagraph (2) the following subparagraphs:

“(2A) Subject to subparagraph (2B), where a BioNexus status company has been granted an exemption under subparagraph (1) on or before 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraph (1A) shall not apply to that BioNexus status company until 30 June 2021.

(2B) Where a BioNexus status company carries on a new qualifying activity after 16 October 2017, subparagraph (2A) shall not apply and the BioNexus status company shall be granted an exemption under subparagraph (1) in relation to that new qualifying activity until 31 December 2018.

(2C) Where a BioNexus Status company has been granted an exemption under subparagraph (1) after 16 October 2017, the requirements referred to in subparagraph (1A) shall not apply to that BioNexus Status company until 31 December 2018.”.

### **New paragraph 3A**

5. The principal Order is amended by inserting after paragraph 3 the following paragraph:

#### **“Exclusion of intellectual property income**

3A. (1) In ascertaining the statutory income of a BioNexus Status company referred to in subparagraph 3(1), the following intellectual property income derived from a qualifying activity of the BioNexus Status company shall be excluded:

- (a) royalties and other income derived on or after 1 July 2018 but before 1 July 2021, from new intellectual property rights that the BioNexus Status company owns; and
- (b) royalties and other income derived on or after 1 July 2021 from all intellectual property rights that the BioNexus Status company owns.

(2) For the purpose of subparagraph (1)—

- (a) a BioNexus Status company owns an intellectual property right if the BioNexus Status company is the owner or licensee of the right;
- (b) royalties or other income is derived from an intellectual property right if it is receivable as consideration for the commercial exploitation of that right;
- (c) “intellectual property right” means a right arising from any patent, utility innovation and discovery, copyright, trade mark and service mark, industrial design, layout-design of integrated circuit, secret processes or formulae and know-how, geographical indication and the grant of protection of a plant variety and other like rights, whether or not registered or registrable;”
- (d) “new intellectual property right” means an intellectual property right in relation to the qualifying activity of the BioNexus Status company that—
  - (i) comes into the ownership of the BioNexus Status company on or after 1 July 2018; or

(ii) comes into the ownership of the BioNexus Status company after 16 October 2017 but before 1 July 2018 as a result of an acquisition by the BioNexus Status company, directly or indirectly, from a related company; and

(e) “related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [Act 327].

(3) Any intellectual property income excluded in subparagraph (1) is subject to tax under the Act.”.

### **New Schedule**

6. The principal Order is amended by inserting after paragraph 11 the following Schedule:

#### “SCHEDULE

(1) No.	(2) Qualifying activity
1.	Industrial biotechnology
2.	Healthcare biotechnology
3.	Agricultural biotechnology”.

Made 31 December 2018

[PERB.0.3865/73(SJ.133-5)LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-1; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Deputy Prime Minister*  
*exercising the functions of Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the  
Income Tax Act 1967]*